

Pembentangan RM-8 perlu disertakan perakuan Mapen II

BH 20 MAR 2001

KUALA LUMPUR Isnin – Pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan (RM 8) dan Pelan Jangka Panjang Ketiga pada persidangan Dewan Rakyat kali ini perlu disertakan perakuan Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II)

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) Saifuddin Abdullah berkata langkah itu bertujuan menegur pihak tertentu menuduh Mapen II tidak berfungsi atau kerajaan tidak menerima pakai perakuannya

Mana mana perakuan Mapen II yang dimasukkan dalam kedua dua dasar utama negara itu juga perlu dinyatakan rujukannya dengan jelas. Jika tidak diketahui perakuan mana yang diterima pakai oleh kerajaan katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata laporan Mapen II itu dilaporkan sudah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada November lalu.

Katanya bagi membuktikan Mapen II telah dilaksanakan tanggungjawabnya dengan serius adalah penting mana mana perakuan yang dimasukkan dalam kedua dua dasar utama itu dinyatakan rujukannya.

Saifuddin berkata MBM juga berharap semua ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang menghadiri persidangan yang bermula hari ini supaya sentiasa aktif dan bersikap profesional.

Ini kerana katanya sesi perbahasan Dewan Rakyat kali ini penting disebabkan kedua dua dasar utama negara itu akan dibincangkan.

Kedua dua dasar negara itu bukan saja yang pertama bagi alaf baru ini malah mempunyai kesan langsung yang mendalam terhadap usaha merealisasikan Wawasan 2020 iaitu menjadikan Malaysia sebagai negara maju katanya.

Selain itu beliau berkata MBM juga akan mengikuti perbahasan kedua dua dasar utama negara dengan serius yang mana tumpuan akan diberikan terhadap empat perkara iaitu pendidikan kesihatan sumber manusia dan belia.

Saifuddin berkata melalui isu pendidikan khususnya MBM berharap akan dapat mewujudkan pendekatan bersepadu dalam pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang memberi tumpuan kepada pembangunan insan.